

1. Apakah masalah kekurangan bagi kerajaan?

- A Produktiviti menurun
- B Sumber hasil terhad
- C Upah menurun
- D Modal terhad

2. Gambar berikut menunjukkan dua faktor pengeluaran dalam ekonomi.



Gambar 1




Gambar 2

Apakah persamaan bagi gambar tersebut?

- A Penawaran tidak terhad
- B Mobiliti geografi yang tinggi
- C Penggunaan sumber yang pelbagai
- D Menggabungkan faktor pengeluaran

3. Rajah menunjukkan kombinasi pengeluaran dalam sebuah ekonomi.



Pasangan yang manakah betul?

	Perubahan kombinasi	Keterangan
A	W ke L	Pengeluaran di luar kemampuan
B	X ke Y	Pembaziran sumber dan pengangguran
C	X ke Z	Peningkatan kos lepas barang pembuatan
D	L ke M	Penghasilan output pada tingkat guna tenaga penuh


[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

4. Apakah kelebihan sistem ekonomi perancangan pusat?
- Persaingan adil dan saksama
  - Penggunaan sumber yang cekap
  - Pengeluaran secara berskala besar
  - Peningkatan teknologi dan reka cipta
5. Pernyataan yang manakah betul mengenai ciri ekonomi Islam?
- Kerajaan memiliki semua faktor pengeluaran
  - Individu bebas mencari kekayaan tanpa batasan
  - Kepentingan awam diutamakan dalam penghasilan barang
  - Firma memilih cara pengeluaran yang dapat meminimumkan kos
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
6. Jadual berikut berkaitan dengan penawaran suatu barang bagi dua buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)	
	Firma M	Firma N
2	5	10
3	8	15
4	10	20

Berapakah penawaran pasaran pada tingkat harga RM4?


- 23 unit
  - 30 unit
  - 34 unit
  - 45 unit
7. Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan bagi suatu barang.



Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi situasi di atas?

- 0.25
- 0.50
- 1.50
- 4.00

- 8 Pernyataan yang manakah menjelaskan hukum permintaan?  
 A Hubungan negatif antara harga dan kuantiti diminta  
 B Semakin tinggi harga semakin tinggi kuantiti diminta  
 C Perubahan kuantiti diminta mempengaruhi perubahan harga  
 D Kuantiti permintaan kereta menurun apabila harga petrol meningkat
- 9 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran kereta.



Antara berikut yang manakah betul tentang perubahan pada rajah di atas?

- I Pergerakan titik w ke x ialah pengurangan penawaran.  
 II Pergerakan titik y ke x ialah pengembangan penawaran  
 III Pergerakan titik z ke y berlaku disebabkan teknologi canggih  
 IV Pergerakan titik z ke w berlaku disebabkan penurunan harga barang
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 10 Jadual berikut berkaitan dengan permintaan dan penawaran baju sukan dalam pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (helai)	Kuantiti penawaran (helai)
10	30	15
20	25	25
30	18	30
40	10	35

Antara berikut yang manakah betul tentang jadual di atas?

- I Harga baju cenderung turun pada tingkat harga RM40  
 II Harga baju cenderung meningkat pada tingkat harga RM20  
 III Kurangan permintaan sebanyak 18 helai pada tingkat harga RM30  
 IV Lebihan permintaan sebanyak 15 helai berlaku pada tingkat harga RM10
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Encik Adam membeli sebuah kereta secara sewa beli. Beliau menggunakan perkhidmatan bank untuk membayar deposit RM3 000 dan bakinya dibayar secara ansuran sebanyak RM600 sebulan.

Apakah perkhidmatan yang digunakan oleh Encik Adam?

- A Perintah sedia ada dan pindahan kredit
- B Pindahan kredit dan debit langsung
- C Draf bank dan perintah sedia ada
- D Debit langsung dan draf bank

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan seorang individu.

Puan Siti seorang pesara guru yang menjalankan perniagaan kosmetik di Seremban. Beliau mempunyai simpanan di Tabung Haji sebanyak RM23 000 dan juga menerima RM1 000 daripada suaminya setiap bulan.

Apakah jenis pendapatan produktif yang diterima oleh beliau?

- I Pencen
- II Nafkah
- III Untung
- IV Dividen
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 13 Apakah kepentingan belanjawan peribadi?

- A Menyelaras pendapatan mengikut perbelanjaan
- B Merancang pembelian barang secara kredit
- C Menambah jumlah pendapatan individu
- D Membantu individu membuat tabungan

- 14 Gambar berikut berkaitan dengan satu jenis pelaburan peribadi.



Pilih padanan yang betul.

	Risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Rendah	Tinggi
C	Sederhana	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi	Rendah

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jangka masa pengeluaran.

Terdapat input tetap dan input berubah

Apakah yang boleh dilakukan oleh pengusaha kilang roti jika ingin menambah pengeluaran dalam jangka masa tersebut?

- I Membuka kilang baharu
  - II Mengubah polisi insurans kilang
  - III Meningkatkan stok bahan mentah
  - IV Menambah bilangan pekerja kilang roti
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 16 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara tingkat keluaran dengan kos berubah.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)
10	1000
20	1600
30	2230
40	3180

Tingkat keluaran yang manakah mempunyai kos purata minimum jika kos tetap RM500?

- A 10 unit
- B 20 unit
- C 30 unit
- D 40 unit

- 17 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)
0	0	0
10	600	60
20	1600	80
30	2400	80
40	3000	75

Hukum pulangan berkurang bermula pada tingkat buruh ke


- A 10 orang
- B 20 orang
- C 30 orang
- D 40 orang

- 18 Jadual berikut menunjukkan bilangan buruh dan output bagi empat buah firma.

Firma	Bilangan buruh (orang)	Jumlah output (unit)
P	2	46
Q	3	78
R	4	96
S	5	110

Firma yang manakah produktiviti paling rendah?

- A P  
B Q  
C R  
D S
- 19 Antara tindakan berikut yang manakah membantu kerajaan mencapai objektif makro ekonomi?
- I Mengecilkan saiz sektor awam  
II Melaksanakan dasar harga dan kuota  
III Mengurangkan kemasukan buruh asing  
IV Mengenakan cukai atas barangan tidak sihat
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 20 Rajah berikut berkaitan dengan jenis inflasi.



Pernyataan yang manakah menyebabkan inflasi X berlaku?

- A Pendapatan individu semakin meningkat  
B Kadar inflasi negara pengekspor meningkat  
C Penciptaan kredit bank perdagangan bertambah  
D Kos bagi bahan api dan bahan mentah bertambah
- 21 Apakah kesan pelaksanaan dasar fiskal menguncup?
- A Pengurangan hasil kerajaan  
B Penurunan perbelanjaan agregat  
C Peningkatan pertumbuhan ekonomi  
D Pertambahan pendapatan boleh guna

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

22 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran di Malaysia.


Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sektor perniagaan terjejas teruk dan kadar pengangguran meningkat kepada 5.3% pada Mei 2020.

Sumber: Ubahsuai Tinjauan Ekonomi 2021, Kementerian Kewangan Malaysia

Antara berikut yang manakah betul tentang situasi tersebut?

- I Berlaku dalam jangka masa panjang
  - II Disebabkan oleh kemelesetan ekonomi
  - III Dikenali sebagai pengangguran normal
  - IV Berpunca daripada kekurangan kemahiran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23 Rajah berikut berkaitan dengan sumber hasil kerajaan.



Pasangan yang manakah betul tentang X dan Y?

	X	Y
A	Levi	Lesen dan Permit
B	Duti Setem	Royalti Petroleum
C	Faedah Pelaburan	Cukai Pintu
D	Cukai Pendapatan Koperasi	Duti Eksais

24 Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan mengurus.

- A Membiayai perbelanjaan prasarana
- B Merupakan perbelanjaan pelaburan ekonomi
- C Pencen dan ganjaran adalah perbelanjaan terbesar
- D Perbelanjaan yang tidak dipengaruhi pendapatan negara

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

Bank Negara Malaysia telah bertindak mengubah Kadar Dasar Semalaman (OPR) daripada 2.75% kepada 3.00%.

Sumber: <https://ecentral.my>, 3 Mei 2023

- Apakah kesan tindakan tersebut kepada firma?
- A Daya saing meningkat  
 B Produktiviti bertambah  
 C Pelaburan agregat meningkat  
 D Ketidakcairan tunai bertambah
- 26 Antara berikut yang manakah betul tentang dasar kewangan mengembang?
- I Menurunkan kadar faedah  
 II Melonggarkan syarat sewa beli  
 III Menjual surat jaminan kerajaan  
 IV Menaikkan nisbah rizab berkanun
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 27 Apakah faktor penggalak globalisasi?
- A Peningkatan kos pengangkutan  
 B Perkembangan teknologi maklumat  
 C Perkembangan kemahiran modal insan  
 D Peningkatan usaha sama dengan syarikat tempatan
- 28 Mengapakah kerajaan mengenakan sekatan bukan ekonomi terhadap barang import?
- A Memperbaiki imbalan pembayaran  
 B Meningkatkan peluang pekerjaan  
 C Mematuhi piawaian dan kualiti  
 D Menambah pendapatan negara
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke China dijangka melonjak.

Sumber: BHONLINE April 25, 2023

Situasi di atas wujud disebabkan

- A iklim dan tanah  
 B sumber semula jadi  
 C harga faktor pengeluaran  
 D tingkat kecekapan pengeluaran

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**



- 30 Negara dari rantau berhampiran akan membentuk pakatan untuk saling membantu dari segi ekonomi.  
Apakah kesan negatif daripada pakatan tersebut?
- A Mobiliti buruh berlaku antara negara  
B Peningkatan harga barang akibat persaingan  
C Dana asing mudah keluar masuk antara negara  
D Kegiatan penyelidikan dan pembangunan dipindahkan
- 31 Situasi yang manakah berkaitan dengan penawaran Ringgit Malaysia?
- I Sebuah syarikat Singapura mengimport beras dari Sekinchan Selangor  
II Tabung Haji membawa jemaah dari Putrajaya menunaikan ibadah di Mekah  
III Peminat bola dari Malaysia menggunakan Qatar Airways untuk menyaksikan Piala Dunia di Doha  
IV Syarikat permotoran dari Itali menyewa kapal kargo Malaysia untuk memasarkan produknya
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 32 Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Januari 2022	Januari 2023
USD1.00 = RM4.26	USD1.00 = RM4.46

Apakah kesan daripada perubahan tersebut?

- I Jumlah eksport meningkat  
II Harga import lebih mahal  
III Jumlah import meningkat  
IV Harga eksport lebih mahal
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 33 Situasi berikut berkaitan dengan akaun semasa negara.

Kerajaan bercadang meluaskan penanaman jagung bagi mengurangkan kebergantungan import makanan.

Sumber: Ubahsuai BHonline 15 Mac 2022

Situasi tersebut berlaku disebabkan oleh

- A permintaan yang rendah untuk eksport  
B penurunan permintaan Ringgit Malaysia  
C pengurangan defisit imbangan pembayaran  
D penggunaan kaedah pengeluaran konvensional

- 34 Pernyataan yang manakah betul tentang pendapatan primer?  
 A Perolehan warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara  
 B Pendapatan daripada urus niaga yang tidak menerima balasan  
 C Penerimaan daripada aktiviti perjalanan dan pengangkutan  
 D Perbezaan antara eksport nampak dan import nampak
- 35 Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan pertukaran asing kepada Malaysia?  
 I Membayar hutang luar individu  
 II Membuat pelaburan dalam negara  
 III Membiayai pengeksporn luar negara  
 IV Mempertahan nilai Ringgit Malaysia  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

**Soalan 36 hingga Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Pengeluar perlu naikkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil bagi barang permintaan anjal.  
 II Barang permintaan anjal mempunyai bilangan barang pengganti yang banyak.
- 37 I Tabungan ialah baki pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan oleh individu.  
 II Tabungan individu di bank akan menerima pulangan dalam bentuk untung.
- 38 I Kos luaran ialah perbezaan antara kos sosial dengan kos peribadi.  
 II Kos peribadi terdiri daripada kos eksplisit dan kos implisit.
- 39 I Inflasi dapat dikawal apabila kerajaan menjalankan belanjawan lebihan.  
 II Belanjawan lebihan ialah jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil.
- 40 I Pelaburan langsung asing mewujudkan jurang pendapatan buruh dalam negara.  
 II Pelaburan langsung asing membolehkan firma besar mempunyai cawangan di negara-negara lain.

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**